



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 6, No. 1, (June, 2021)

Peranan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dalam pembudayaan *talaqqī* al-Quran bersanad

*[Role of higher education institutions in Malaysia in cultivating Quranic
sanad talaqqī]*

**Mohamad Redha Mohamad^{1*}, Muhammad Firdaus Abdul Manaf², & Muhammad
Zaid Shamshul Kamar¹**

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

² Universiti Teknologi MARA (UiTM), Negeri Sembilan, Malaysia.

* Corresponding Author: Mohamad Redha Bin Mohamad. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Malaysia. E-mail: mohamadredha@kuis.edu.my. Telp.: 019-3993708.

Keywords:

*Higher Education
Institution, UM, KIAS,
Talaqqī, Sanad*

ABSTRACT

Higher Education Institutions (HEI) play a very important role in producing today's knowledge society. Islamic HEIs based on studies such as akidah, sharia and morality also contribute to the development of human capital which is beneficial to the community in Malaysia. Among the studies offered at Islamic HEI is the study of the Quran which aims to enable students to read the Quran well. Selected Islamic HEIs also offer Quranic Sanad Talaqqī Course to the public on certificate basis. The demand for Quranic sanad talaqqī is growing in Malaysia. However, the number of HEIs offering this course is limited. Therefore, the objective of this paper is to examine the role of HEIs in cultivating Quranic sanad talaqqī. This study will perform a comparative analysis of course offered at University of Malaya (UM) and Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS). Descriptive analysis include characteristics such as course name, course objectives, duration of study, course content, student assessment and awarding of sanad. The method of this study is qualitative while data collection includes secondary data from published and internet sources. The results of the study indicate Quranic Sanad Talaqqī Course needs to be further developed and promoted. Furthermore, learning by sanad talaqqī is a sunnah of the Prophet SAW and the qurrā' in every age. Therefore, Islamic HEIs need to play a major role in cultivating the Quranic sanad talaqqī.

Kata Kunci:

*Institusi Pengajian Tinggi,
UM, KIAS, Talaqqī, Sanad*

ABSTRAK

*Institusi Pengajian Tinggi (IPT) memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan komuniti berpendidikan tinggi pada hari ini. IPT Islam yang berasaskan pendidikan seperti akidah, syariah dan akhlak turut sama menyumbang dalam melahirkan modal insan yang mencurahkan pelbagai sumbangan kepada masyarakat di Malaysia. Antara salah satu pengajian yang ditawarkan di IPT Islam adalah pengajian al-Quran yang matlamatnya adalah untuk mendidik para pelajarnya supaya dapat membaca al-Quran dengan baik. Sebahagian IPT Islam juga menawarkan *Kursus Talaqqī al-**

Quran Bersanad kepada orang awam secara persijilan. Permintaan untuk pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad semakin berkembang di Malaysia. Walaupun begitu, kuantiti IPT Islam yang menawarkan kursus ini adalah terhad. Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk mengenalpasti peranan IPT Islam dalam pembudayaan *talaqqī* al-Quran bersanad. Kajian ini akan membentangkan analisis perbandingan tentang pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad yang ditawarkan di Universiti Malaya (UM) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Antara kandungan yang dibentangkan adalah nama dan objektif kursus, tempoh pengajian, kandungan kursus, penilaian pelajar dan pengijazahan sanad. Kaedah yang digunakan untuk kajian ini ialah kualitatif manakala pengumpulan data merangkumi data sekunder daripada sumber kepustakaan dan internet. Hasil kajian mendapati *Kursus Talaqqī al-Quran Bersanad* perlu dikembangkan dan disebarluaskan dengan lebih jauh. Tambahan pula, pembelajaran secara *talaqqī* bersanad adalah merupakan sunnah Rasulullah SAW dan juga para *qurrā'* pada setiap zaman. Oleh itu, setiap IPT Islam perlu memainkan peranan penting untuk membudayakan *talaqqī* al-Quran secara bersanad.

Received: December 24, 2020

Accepted: January 29, 2021

Online Published: June 30, 2021

1. Pendahuluan

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan komuniti berpendidikan tinggi pada hari ini (Mat Lazim & Yusof, 2012). IPT juga bertindak sebagai agen untuk melahirkan modal insan yang berpendidikan tinggi dan berdaya saing kepada negara (Aznie, Dziauddin & Yusri, 2014). IPT sebagai agen modal insan berpendidikan tinggi dibuktikan dengan kemunculan dan pertambahan pesat IPT di Malaysia tidak kira awam atau pun swasta. Tidak ketinggalan IPT Islam yang berasaskan didikan pengajian Islam seperti akidah, syariah dan akhlak turut sama melahirkan modal insan yang mencurahkan pelbagai sumbangan kepada masyarakat di Malaysia. Antara salah satu pengajian yang ditawarkan di IPT Islam adalah pengajian al-Quran yang berjaya mendidik para pelajarnya untuk membaca al-Quran dengan baik.

Salah satu kursus yang ditawarkan di sebahagian IPT Islam adalah *Kursus Talaqqī Al-Quran Bersanad*. Penawaran kursus ini kebiasaannya berbentuk sijil dan terbuka kepada sesiapa sahaja termasuk orang awam. Pengambilan sanad *talaqqī* al-Quran semakin dititikberatkan di Malaysia (Alias, Mohamad & Ahmad, 2015). Ini berikutan beberapa faktor penting yang membawa kepada hasil positif apabila tradisi sanad sentiasa diamalkan. Antara program-program sanad yang popular masa kini di Malaysia adalah sanad *talaqqī* surah al-Fatihah, sanad *talaqqī* al-Quran 30 juz dan sanad azan serta iqamah. Begitu juga penubuhan pusat pengajian dan institusi pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad di Malaysia sudah mula memberangsangkan (Alias, Mohamad & Ahmad., 2015). Walaupun begitu, pengkaji mendapati tidak banyak IPT yang menawarkan kursus ini. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan peranan IPT di Malaysia dalam pembudayaan *talaqqī* al-Quran bersanad.

2. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif yang berasaskan instrumen pengumpulan data. Data-data dikumpul melalui metode kepustakaan. Kajian ini menggunakan metode kepustakaan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat berkaitan sebelum dianalisis. Pengkaji telah mengumpul maklumat kajian untuk dianalisis dari jurnal, artikel, kamus dan buku-buku ilmiah yang terdapat di beberapa buah perpustakaan berhampiran seperti Perpustakaan As-Syafie Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia dan lain-lain. Selain itu, pengkaji juga mengumpul maklumat kajian dari laman sesawang yang berautoriti sebagai data utama iaitu laman sesawang rasmi Universiti Malaya (UM) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

3. Definisi *Talaqqī* al-Quran Bersanad

Sanad secara bahasa berasal dari perkataan *سَنَدٌ* yang bermaksud menopang, menyandar atau menyangga (Zainuddin, Zainuddin & Mohd Isa, 2010). Dalam istilah ilmu *qirā'āt*, sanad diertikan sebagai rangkaian *muqri'* daripada *muqri'* sehingga sampai kepada Rasulullah SAW (Said & Adam, 2011). Dalam pengertian yang lebih khusus sanad atau *isnād* bermaksud sandaran, sijil tauliah atau kesaksian dalam penerimaan sesuatu *qirā'āt* (al-Jazari, 2002). Manakala Sayyidī (2004) pula menyatakan sanad di sisi *qurrā'* adalah salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan, riwayat, *ṭarīq*, dan wajah daripada sumber utama.

Menurut Zainuddin, Zainuddin & Mohd Isa (2010), *talaqqī* التَّلَقِّي merupakan perkataan yang diambil daripada kata dasar *لَقِيَ* iaitu bertemu, bersemuka atau bertembung. Al-Zarqanī (2001) menyatakan *talaqqī* bermaksud pengambilan bacaan al-Quran daripada seorang yang dipercayai daripada guru yang dipercayai dan seorang imam daripada imam sehinggalah kepada Nabi Muhammad SAW. Al-Majidī (2000) pula berpandangan *talaqqī* adalah satu metode pembelajaran lafaz-lafaz al-Quran di mana seorang guru akan membacakan sepotong ayat kepada murid, lalu murid tersebut akan membacakan semula ayat tersebut dengan cara bacaan guru tadi. Zaidar (2014) menyatakan *talaqqī* daripada sudut istilah bermaksud mengambil atau belajar ilmu secara langsung di hadapan guru.

Oleh itu sekiranya dihubungkan, sanad *talaqqī* al-Quran membawa maksud salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan al-Quran secara bersambung daripada sumber utama iaitu Rasulullah SAW yang diperolehi secara bersemuka di hadapan guru. Ada pun dalam konteks kajian ini, kursus *talaqqī* al-Quran bersanad IPT bermaksud kelas pengajian al-Quran secara bersanad yang diajar oleh guru berkeahlian bertempat di IPT.

4. Tuntutan Bertalaqqī al-Quran Bersanad

Tradisi pengambilan sanad *talaqqī* al-Quran perlu diteruskan kerana wujudnya beberapa kepentingan. Kepentingan utama pengambilan sanad adalah kerana ianya merupakan sunnah Rasulullah SAW. Baginda SAW membaca al-Quran dengan Malaikat Jibril AS AS secara bertalaqqī dan mengulanginya pada bulan Ramadhan setiap tahun. Hal ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA katanya:

كَانَ يَعْزُضُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْقُرْآنَ كُلَّ عَامٍ مَرَّةً، فَعَرَضَ عَلَيْهِ مَرَّتَيْنِ فِي الْعَامِ الَّذِي قُبِضَ فِيهِ.

[al-Bukhārī, *Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān*, Bāb Kāna Jibrīl ya 'riḍ al-Qur'ān 'alā al-nabī..., Nombor hadis 4998]

Maksudnya:

“Telah dibacakan (Malaikat Jibril AS) al-Quran ke atas Nabi SAW sekali pada setiap tahun, dan dibacakan (Malaikat Jibril AS) al-Quran ke atas Nabi SAW sebanyak dua kali pada tahun kewafatan Baginda SAW.”

Hadis di atas menerangkan kaedah bagaimana Rasulullah SAW mengambil bacaan al-Quran daripada Malaikat Jibril AS AS. Al-'Asqalānī (2013) menjelaskan perkataan *يَعْزُضُ* dalam hadis tersebut bermaksud Malaikat Jibril AS bertemu dengan Baginda SAW untuk membacakan al-Quran, dan Baginda SAW akan mendengarnya. Kemudian Baginda SAW pula akan membaca al-Quran dan Malaikat Jibril AS mendengarnya. Hadis ini adalah asas dan dalil bahawa al-Quran perlu dipelajari secara berguru bagi memastikan kesahihan pembacaannya. Guru yang berkeahlian dan berkemahiran adalah sebagai penjamin kesahihan setiap bacaan muridnya. Kaedah yang sama juga turut diterapkan oleh para sahabat dan tabiin (Saad, 2013).

Setiap surah dan ayat al-Quran disampaikan oleh Malaikat Jibril AS kepada Baginda SAW menerusi kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah* iaitu Malaikat Jibril AS membaca ayat al-Quran dan diikuti oleh Baginda SAW, seterusnya dihafaz ayat-ayat tersebut oleh Baginda SAW. Bermula dari surah al-'Alaq hinggalah kepada ayat yang terakhir, kaedah ini berterusan digunakan turun-temurun untuk mewariskan al-Quran sehingga ke hari ini (Hazim, 2012). Daripada Baginda SAW kepada para sahabat, kemudian diwariskan kepada tabiin dan sehinggalah sampai kepada umat Islam ayat-ayat al-Quran, yang mana semua ini membuktikan kesinambungan sanad al-Quran yang terjaga rapi oleh para guru al-Quran. Baginda SAW sentiasa memperdengarkan ayat-ayat

al-Quran kepada para sahabat sama ada ketika berkhotbah, berdakwah, mengeluarkan fatwa, solat berjemaah dan sebagainya (Abd Ghani, 2009). Hal ini sekali gus menunjukkan pengambilan sanad al-Quran adalah merupakan sunnah Rasulullah SAW yang perlu dijaga dan diamalkan secara berterusan. Firman Allah SWT dalam surah al-Qiyamah ayat 16 hingga 18:

لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتُحَاجَلَ بِهِ ۚ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ۗ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ۗ (١٨)

Maksudnya:

“Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendak cepat menghafaz al-Quran yang diturunkan kepadamu, menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Malaikat Jibril AS), maka bacalah menurut bacaannya itu.”

Berdasarkan surah al-Qiyamah ayat 16 hingga 18 di atas, Qutb (2018) menyatakan Rasulullah SAW memberi sepenuh perhatian kepada wahyu yang turun dan amat bimbang akan terlupa ayat-ayat al-Quran tersebut. Inilah yang mendorong Baginda SAW untuk mengikuti bacaan Malaikat Jibril AS ayat demi ayat dan perkataan demi perkataan agar Baginda SAW benar-benar yakin telah mengingati kesemuanya. Begitu juga al-Nasafi (2011) menyatakan ayat 18 bermaksud Malaikat Jibril AS membacakan al-Quran kepada Baginda SAW, maka Baginda SAW mengambil bacaan tersebut sebagaimana yang dibacakan Malaikat Jibril AS. Baginda SAW bertalaqqi dan mengambil bacaan al-Quran daripada Malaikat Jibril AS dengan sepenuh perhatian dan fokus.

Ayat al-Quran ini jelas menunjukkan proses pembelajaran al-Quran yang sahih adalah secara berguru dan perlu dipelajari dengan sepenuh perhatian dan fokus. Menurut Redha, Zaidar & Alias (2020), terdapat lima faktor utama relevansi pewarisan sanad *talaqqi* al-Quran iaitu sunnah Rasulullah SAW, kesahihan bacaan, kebanggaan penuntut ilmu, kelangsungan sanad *'ālī* dan bimbingan yang berterusan. Kesemua ini jelas menunjukkan pengamalan *talaqqi* al-Quran secara bersanad adalah sangat dituntut dan perlu dimasyhurkan di Malaysia.

5. Penawaran Kursus *Talaqqi* al-Quran Bersanad di IPT

Institusi Pengajian Tinggi memainkan peranan yang penting dalam melahirkan masyarakat yang celik ilmu. Antara pendidikan yang ditawarkan di IPT adalah pengajian al-Quran dan *qirā'āt*. Terdapat beberapa IPT yang menawarkan kursus al-Quran dan *qirā'āt* seperti Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Islam As Sofa (KIS) dan juga Universiti Melaka (UniMel). Namun, tidak kesemua IPT ini menawarkan kursus *talaqqi* al-Quran bersanad walau pun ia semakin menjadi fenomena pada masa kini.

Antara IPT yang menawarkan kursus pengajian *talaqqi* al-Quran bersanad adalah Universiti Malaya, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra dan Kolej Islam As Sofa. Penawaran yang dilaksanakan ini adalah sejajar dengan keperluan semasa masyarakat Islam di Malaysia yang memerlukan bimbingan dari guru-guru al-Quran bersanad. Berikut adalah capaian laman sesawang IPT yang menawarkan kursus *talaqqi* al-Quran bersanad untuk dirujuk:

- i) Universiti Malaya: <https://apium.um.edu.my/kursus-talaqqi-al-quran-bersanad-kutab>
- ii) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra: <https://kiasedu.hex.my/index.php/kursus-umun/pkpii/kelas-talaqqi-qiraat-al-quran-bersanad>
- iii) Kolej Islam As Sofa: <https://kolejislam.edu.my/talaqqi-al-quran>

6. Modul *Talaqqi* al-Quran Bersanad di IPT

Kajian ini akan membentangkan contoh modul dua IPT yang menawarkan pengajian *talaqqi* al-Quran bersanad bagi rujukan dan panduan pihak-pihak yang berkeperluan. Dua IPT tersebut adalah Universiti Malaya (UM) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Berdasarkan laman sesawang rasmi UM (<https://www.um.edu.my/>), ia merupakan universiti tertua di Malaysia yang terletak di Kuala Lumpur. Ia telah ditubuhkan pada tahun 1905 di Singapura sebagai King

Edward VII College of Medicine dan pada 1949 ia menjadi UM dengan penggabungan King Edward VII College of Medicine dan Raffles College. UM menawarkan pelbagai program bermula dari peringkat diploma hingga kepada peringkat ijazah doktor falsafah. Selain itu, UM juga menawarkan pelbagai kursus termasuklah pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad yang dinamakan *Kursus Talaqqi Al-Quran Bersanad* (KuTAB).

IPT kedua yang dikaji adalah KIAS. Berdasarkan laman sesawang rasmi KIAS (<http://www.kias.edu.my/>), ia merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang dikendalikan oleh KIAS Darul Naim Sdn. Bhd. (KDSB) iaitu anak syarikat Akademi Yakin Sdn. Bhd. (AYSB). Penubuhan kolej ini adalah inspirasi kerajaan negeri yang bercita-cita menjadikan Kelantan sebagai pusat perkembangan ilmu Islam yang tersohor. KIAS telah tertubuh pada tanggal 24 Ogos 1999 dan sehingga kini telah menawarkan pelbagai program yang diberi pengiktirafan oleh kerajaan Malaysia. KIAS telah berhasil melahirkan para ilmuan dan profesional Islam yang berakhlak mulia dan modal insan yang berupaya untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Salah satu program yang ditawarkan di KIAS adalah pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad yang dinamakan *Kelas Talaqqi Qiraat Al-Quran Bersanad* (KQTA). KIAS telah memulakan program ini sejak Mei 2009 dan telah berjaya melahirkan lebih kurang 100 pelajar yang khatam al-Quran secara *talaqqī* bersanad (Alias, Mohamad & Ahmad, 2015).

Berdasarkan penerangan di atas, pengkaji memilih dua IPT ini kerana kedua-duanya telah menyediakan maklumat yang lengkap untuk rujukan awam di laman sesawang rasmi IPT tersebut. Modul kedua-dua IPT ini boleh diperolehi dari laman sesawang rasmi IPT seperti berikut:

- i) Universiti Malaya: <https://apium.um.edu.my/kursus-talaqqi-al-quran-bersanad-kutab>
- ii) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra: <https://kiasedu.hex.my/index.php/kursus-umun/pkpii/kelas-talaqqi-qiraat-al-quran-bersanad>

6.1 Pusat Penawaran, Nama Program, Objektif dan Syarat Kemasukan

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat kedua-dua IPT bertujuan untuk menghidupkan sunnah Rasulullah SAW dalam konteks pembelajaran al-Quran melalui kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah*. Hal ini bertepatan dengan kaedah pembelajaran al-Quran yang sahih iaitu diambil bacaan secara bersemuka dengan guru bagi memudahkan proses penambahbaikan bacaan pelajar (Redha, Zaidar & Alias, 2020).

Jadual 1: Pusat Penawaran, Nama Program, Objektif dan Syarat Kemasukan

	Universiti Malaya	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
Pusat Penawaran	Akademi Pengajian Islam	Pusat Kursus Pengajian Ilmu-ilmu Islam
Nama Program	<i>Kursus Talaqqi Al-Quran Bersanad</i> (KuTAB)	<i>Kelas Talaqqi Qiraat Al-Quran Bersanad</i> (KQTA)
Objektif	Menghidupkan sunnah Rasulullah SAW dalam pembelajaran al-Quran Memberi peluang kepada masyarakat awam belajar al-Quran secara <i>talaqqī</i> dan <i>mushāfahah</i> . Pembelajaran al-Quran dimasa lampau adalah di rumah, masjid dan madrasah. Namun kini ia diadakan di universiti. Perkembangan ini sesuai dengan tuntutan zaman Mempunyai keazaman dan kesabaran yang tinggi	Mewujudkan pembelajaran dan pengajian al-Quran dengan manhaj <i>talaqqī</i> dan <i>mushāfahah</i> yang benar iaitu berhadapan dengan guru yang sudah diverifikasi bacaannya. Menambah pengetahuan peserta tentang ilmu tajwid dan ilmu <i>qirā'āt</i> melalui pembentangan tajwid dan ilmu <i>qirā'āt</i> daripada pakar dalam bidang tersebut. Melahirkan guru-guru al-Quran yang berkualiti dan berwibawa dan dianugerahkan sanad <i>talaqqī</i> al-Quran bersambung kepada Rasulullah
Syarat Kemasukan	Mampu membaca al-Quran Memahami kaedah tajwid asas	Tidak diletakkan

Sumber: Laman sesawang rasmi UM dan KIAS



Selain itu, terdapat perbezaan dari sudut syarat kemasukan. KuTAB meletak tiga syarat kepada peserta iaitu mempunyai keazaman dan kesabaran yang tinggi, mampu membaca al-Quran dan memahami kaedah tajwid asas, manakala KQTA tidak meletakkan sebarang syarat kepada peserta kursus.

6.2 Yuran Pengajian

Berdasarkan Jadual 2, dapat dilihat kedua-dua IPT meletakkan jumlah yuran yang berbeza. KuTAB meletakkan yuran bagi setiap modul RM700, manakala KQTA meletakkan yuran sebanyak RM425 bagi setiap modul. Yuran bagi kedua-dua kursus ini adalah termasuk nota kursus. Para peserta kedua-dua kursus juga dibenarkan untuk membayar yuran secara ansuran.

Jadual 2: Yuran Pengajian

	Universiti Malaya	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
Jumlah Yuran	RM700 (bagi setiap modul termasuk nota kursus)	RM425 (bagi setiap modul termasuk nota kursus)
Ansuran	Boleh dibayar secara ansuran iaitu RM50 ketika awal pendaftaran, ansuran 1 RM300 juga ketika pendaftaran dan ansuran 2 RM350 selepas pendaftaran.	Boleh dibayar secara ansuran. Ansuran pertama adalah RM125 yang perlu dibayar semasa hari pendaftaran.
Lain-lain	Yuran yang dibayar tidak akan dikembalikan jika peserta gagal mengikuti kursus atau apa jua sebab kecuali kursus dibatalkan oleh pihak penganjur	Tiada

Sumber: Laman sesawang rasmi UM dan KIAS

6.3 Tempoh Pengajian

Berdasarkan Jadual 3, KuTAB membahagikan kelas mereka kepada 8 modul, manakala KQTA membahagikan kelas mereka kepada 6 modul. Peserta KuTAB dijangka akan menamatkan pengajian mereka dalam tempoh 30 bulan, manakala peserta KQTA dijangka akan menamatkan pengajian mereka dalam tempoh 27 bulan. Berdasarkan perancangan kedua-dua kursus ini, tempoh masa pengajian dilihat tidak banyak berbeza. Ada pun begitu, tempoh pengajian juga bergantung kepada kemampuan peserta dalam pembacaan al-Quran. Peserta yang kurang lancar bacaan berkemungkinan akan menambah dan melanjutkan tempoh pengajian mereka melebihi tempoh yang telah dirangka.

Jadual 3: Tempoh Pengajian

	Universiti Malaya	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
Tempoh modul	Berasaskan 8 modul. Satu modul empat bulan. Peserta dijangka mengkhataamkan al-Quran dalam tempoh 30 bulan atau 2 tahun setengah. Jumlah tempoh: 30 bulan	Berasaskan 6 modul. Modul 1 empat bulan, modul 2 lima bulan, modul 3 empat bulan, modul 4 lima bulan, modul 5 empat bulan dan modul 6 lima bulan. Jumlah tempoh: 27 bulan
Hari	Sabtu dan ahad	Jumaat dan sabtu
Waktu	15 minit setiap peserta	8.30 pagi hingga 12.30 tengahari atau 2.30 petang hingga 6.30 petang

Sumber: Laman sesawang rasmi UM dan KIAS



6.4 Kandungan Kursus

Berdasarkan Jadual 4 di atas, kandungan utama kursus adalah sama iaitu menamatkan al-Quran 30 juz. Perbezaan yang dilihat adalah dari sudut pembahagian juz kepada beberapa modul. Selain itu, KQTA juga menyenaraikan kelas tambahan terhadap kandungan kursus mereka iaitu Kelas Tajwid. Kelas Tajwid KQTA akan dijalankan selama dua jam dan sebanyak dua kali bagi setiap modul. Kelas Tajwid ini akan menjadi nilai tambah bagi para peserta KQTA selain mengkhatamkan al-Quran 30 juz. Ada pun bagi KuTAB, tiada disenaraikan apa-apa kandungan kursus tambahan di laman sesawang rasmi mereka.

Jadual 4: Kandungan Kursus

	Universiti Malaya	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
	Setiap peserta akan membaca 1 juz setiap bulan. Terdapat 8 modul.	Peserta akan bertalaqqi al-Quran mengikut juz yang telah ditetapkan pada setiap modul.
Utama	Modul 1 (juz 1-4) Modul 2 (juz 5-8) Modul 3 (juz 9-12) Modul 4 (juz 13-16) Modul 5 (juz 17-20) Modul 6 (juz 21-24) Modul 7 (juz 25-28) Modul 8 (juz 29-30)	Modul 1 (juz 1-5) Modul 2 (juz 6-10) Modul 3 (juz 11-15) Modul 4 (juz 16-20) Modul 5 (juz 21-25) Modul 6 (juz 26-30)
Tambahan	Tiada diletakkan	Kelas tajwid. Dua kali kelas setiap modul. 2 jam setiap kelas. Modul 1: Pengenalan, Isti'āzah, Basmalah, Hamzah Waṣal, Hamzah Qata', Nūn Sākinah dan Tanwīn, Mīm Sākinah Modul 2: Makhraj dan Sifat Huruf Modul 3: Mad dan Qasr Modul 4: Waqaf dan Ibtidā' Modul 5: Lahn, Takbīr, Sujud Tilawah, Perbezaan Tariq al-Shātibī dan al-Jazarī, dan Tafkhīm Tarqīq

Sumber: Laman sesawang rasmi UM dan KIAS

6.5 Penilaian Pelajar

Berdasarkan Jadual 5 di atas, dapat dilihat kedua-dua kursus melaksanakan peperiksaan bagi menilai prestasi para peserta mereka. Perbezaan yang ketara dapat dilihat di sini apabila KuTAB melaksanakan peperiksaan apabila peserta selesai mengkhatamkan al-Quran, manakala KQTA melaksanakan peperiksaan setiap selepas lima bulan kursus berjalan. Ini bermakna peserta KQTA akan diuji dengan beberapa siri peperiksaan secara berkala. Peperiksaan secara berkala juga memberi kelebihan kepada tenaga pengajar KQTA kerana dapat melihat prestasi semasa para peserta.

Jadual 5: Penilaian Pelajar

	Universiti Malaya	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
Peperiksaan	Peserta akan dinilai berdasarkan peperiksaan khas yang akan diadakan selepas peserta mengkhatamkan al-Quran	Penilaian ke atas penguasaan dan kemahiran peserta dalam membaca al-Quran akan dijalankan setiap selepas 5 bulan KQTA berjalan dengan mengadakan peperiksaan syafawi (40%) dan bertulis (60%)

Sumber: Laman sesawang rasmi UM dan KIAS

6.6 Pengijazahan Sanad

Berdasarkan Jadual 6 di atas, dapat dilihat kedua-dua kursus mengenakan syarat yang ketat sekiranya peserta ingin mendapatkan sijil *talaqqī* al-Quran bersanad. Bagi peserta KuTAB, sijil *talaqqī* al-Quran bersanad hanya akan diberikan sekiranya peserta khatam 30 juz dan diperakui layak oleh para guru, manakala peserta KQTA pula hanya akan memperolehi sijil *talaqqī* al-Quran bersanad sekiranya khatam 30 juz dan mendapat 80% ke atas dalam peperiksaan. Pengijazahan sanad secara bersijil yang lengkap dengan nama *rijāl-rijāl*nya adalah amat penting bagi tujuan rekod dan rujukan (Redha, Zaidar & Alias, 2020).

Jadual 6: Pengijazahan Sanad

	Universiti Malaya	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
Sijil	<p>Ijazah sanad bertulis akan diberikan kepada peserta yang mendapat perakuan layak oleh para guru dan khatam 30 juz al-Quran</p> <p>Sekiranya tidak mencapai tahap yang memuaskan, peserta hanya akan diberikan sijil akuan belajar al-Quran</p>	<p>Sijil akan berikan mengikut kategori berikut:</p> <p>i) Sijil Akuan Talaqqī Qirā'āt Al-Quran: bagi setiap 10 juz yang dibaca</p> <p>ii) Sijil Akuan Talaqqī Qirā'āt Al-Quran Surah Al-Fātiha hingga Surah Al-Nās: bagi peserta yang khatam <i>talaqqī</i> al-Quran tetapi tidak mengambil peperiksaan</p> <p>iii) Ijazah Sanad Talaqqī Qirā'āt Al-Quran: bagi peserta yang khatam <i>talaqqī</i> al-Quran keseluruhannya dan menduduki ujian lisan dan bertulis serta mendapat markah sekurang-kurangnya 80% ke atas.</p>

Sumber: Laman sesawang rasmi UM dan KIAS

Hal ini adalah selaras dengan pendapat para *qurrā'* supaya tidak mengijazahkan sijil *talaqqī* al-Quran bersanad secara bermudah-mudah. Said (2008) menyatakan di dalam kitab beliau tidak digalakkan mempelajari al-Quran dari guru yang bermudah-mudah atau pun yang bersusah-susah. Sebaik-baik perkara adalah pertengahan.

7. Hasil Perbandingan Kedua-dua IPT

Berdasarkan perbandingan yang dibuat terhadap dua kursus yang ditawarkan iaitu KuTAB dan KQTA, pengkaji berpendapat kursus ini wajar untuk dikembangkan dan disebarluaskan. Hal ini kerana pembelajaran secara *talaqqī* bersanad adalah merupakan sunnah Rasulullah SAW dan juga para *qurrā'* pada setiap zaman (Redha, Zaidar & Alias, 2020). Al-Quran dipelajari secara bersemuka antara guru dan murid bagi mendapatkan cara bacaan yang sahih. Berikut adalah jadual hasil perbandingan di antara kedua-dua kursus dari beberapa sudut:

Jadual 7: Hasil Perbandingan

Sudut Perbandingan	KuTAB & KQTA
Objektif	Kedua-dua kursus mempunyai persamaan dengan bertujuan untuk menghidupkan sunnah Rasulullah SAW dalam konteks pembelajaran al-Quran melalui kaedah <i>talaqqī</i> secara <i>mushāfahah</i> .
Syarat kemasukan	Wujud perbezaan dari sudut syarat kemasukan apabila KuTAB meletak tiga syarat kepada peserta iaitu mempunyai keazaman dan kesabaran yang tinggi, mampu membaca al-Quran dan memahami kaedah tajwid asas, manakala KQTA tidak meletakkan sebarang syarat kepada peserta kursus.
Yuran pengajian	Kedua-dua IPT meletakkan jumlah yuran yang berbeza. KuTAB meletakkan yuran bagi setiap modul RM700 (8 modul bersamaan RM5600), manakala KQTA meletakkan yuran sebanyak RM425 bagi setiap modul (6 modul bersamaan RM2550). Yuran bagi kedua-dua kursus ini adalah termasuk nota kursus
Tempoh pengajian	Kedua-dua kursus dilihat tidak mempunyai perbezaan yang ketara apabila peserta KuTAB dijangka akan menamatkan pengajian mereka dalam tempoh 30 bulan, manakala peserta KQTA dijangka akan menamatkan pengajian mereka dalam tempoh 27 bulan.

Kandungan kursus	Kedua-dua kursus mempunyai modul yang dibahagikan mengikut juz dan merangkumi 30 juz al-Quran keseluruhannya. Adapun begitu terdapat kelebihan bagi peserta KQTA yang turut diberikan kelas tajwid sebagai tambahan modul.
Penilaian pelajar	Perbezaan yang ketara dapat dilihat di sini apabila KuTAB melaksanakan peperiksaan di penghujung pengajian, manakala KQTA melaksanakan peperiksaan secara berkala setiap lima bulan.
Pengijazahan sanad	Kedua-dua kursus mempunyai persamaan dari sudut memberikan ijazah sanad <i>talaqqī</i> al-Quran kepada yang berkeelayakan sahaja. Adapun bagi pelajar yang tidak mencapai tahap memuaskan hanya akan diberikan sijil akuan belajar.

Sumber: Laman sesawang rasmi UM dan KIAS

8. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pengkaji telah membentangkan dua buah IPT Islam yang menawarkan *Kursus Talaqqī al-Quran Bersanad*. Penawaran kursus ini kebiasaannya berbentuk sijil dan terbuka kepada sesiapa sahaja termasuk orang awam. Dua IPT tersebut adalah Universiti Malaya yang menawarkan *Kursus Talaqqī Al-Quran Bersanad* (KuTAB) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra yang menawarkan *Kelas Talaqqī Qiraat Al-Quran Bersanad* (KQTA). Kedua-dua IPT ini adalah contoh institusi yang memainkan peranan penting dalam pembudayaan *Talaqqī* al-Quran Bersanad di Malaysia.

Pembelajaran al-Quran perlu ditambah baik daripada pelbagai sudut. Sebelum ini, pembelajaran al-Quran mungkin hanya dijalankan di rumah-rumah atau di masjid-masjid. Namun dengan perkembangan dunia pada masa kini, sewajarnya setiap IPT Islam memainkan peranan penting untuk mewujudkan *Kursus Talaqqī al-Quran Bersanad* di kampus masing-masing. Pembudayaan *Talaqqī* al-Quran Bersanad ini akan meningkatkan martabat al-Quran di mata dunia di samping menambah rasa kecintaan umat Islam terhadap kitab suci al-Quran. Pengkaji berpendapat *Kursus Talaqqī al-Quran Bersanad* perlu dikembangkan dan disebarluaskan. Perbincangan dalam kajian ini boleh digunakan oleh mana-mana IPT sebagai batu loncatan untuk memulakan kursus ini atau pun untuk menambahbaik kursus yang sedia ada. Semua IPT Islam perlu memainkan peranan untuk membudayakan *talaqqī* al-Quran bersanad di samping menarik minat masyarakat Malaysia untuk membaca al-Quran. Diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat dalam membudayakan *talaqqī* al-Quran bersanad di Malaysia.

Rujukan

- al-‘Asqalānī, I. H. (2013). *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Mesir: Dar al-Risāla al-‘Alamiyya.
- Abd Ghani, A. R. (2009). *Pemeliharaan al-quran: kajian di unit kawalan teks al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah), Universiti Malaya, Malaysia.
- Alias, N., Mohamad, K. A. & Ahmad, A. M. (2015). Fenomena talaqqi al-Quran bersanad riwayat Hafis ‘An ‘Asim menurut Tariq Al-Syatibiyah: Sumbangannya Dalam Perkembangan Pengajian Al-Quran Di Malaysia. *E-Prosiding: Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa*. Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Diakses dari: <https://smk.ukm.my/erep/fail3.cfm?komp=TPP2015640>.
- Aznie, R., Dziauddin, M. F. & Yusri, M. S. (2014). Impak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ke atas ekonomi setempat di Mukim Hulu Bernam Timur, Perak. *Jurnal Geografi*. 2(1). <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/GEOG/article/view/469>.
- Hazim, W. M. (2012). *Al-Quran dan Talaqqī Mushafahah*. Kuala Terengganu: Makalah Dakwah Masjid Abidin.
- al-Jazarī, I. (2002). *Ṭayyiba al-Nashr fī Qirā’āt al-‘Ashr*. Kaherah: Maktabat al-Sunna.
- Kelas Talaqqī Qiraat Al-Quran Bersanad. (2018). Diakses pada 13 November 2020, dari <https://kiasedu.hex.my/index.php/kursus-umun/pkpii/kelas-talaqqi-qiraat-al-quran-bersanad>.
- Kursus Talaqqī Al-Quran Bersanad (KuTAB). (2018). Diakses pada 13 November 2020, dari <https://apium.um.edu.my/kursus-talaqqi-al-quran-bersanad-kutab>.
- al-Majidī. (2000). *Talaqqī al-Nabī SAW Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*. Beirut: Muassasa al-Risāla.
- Mat Lazim, N. & Yusof, N. (2012). Universiti, pembangunan modal insan dan penumpuan ruang komuniti berpendidikan tinggi di Malaysia: suatu ulasan kritis. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 7(2). <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/11265>.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 6, No. 1, (June, 2021)

- al-Nasafī. (2011). *Madārik al-Tanzīl wa Haqāiq al-Ta'wīl*. Beirut: Dar Ibn Kathīr.
- Qutb, S. (2008). *Fī Zīl al-Qur'ān*. Mesir: Dar al-Shuruq.
- Redha, M., Zaidar, F. & Alias, N. (2020). Aplikasi *al-Taḥammul wa al-Adā'* dalam kalangan *Qurrā'* dan kepentingannya. *Jurnal al-Irsyad*. 5(2). <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/132/74>.
- Redha, M., Zaidar, F. & Alias, N. (2020). Relevansi pewarisan sanad *talaqqi* al-Quran. *Jurnal al-Turath*. 5(1). <http://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/article/view/108>.
- Saad, A. (2013). *Asānīd al-Qirā'āt wa manhaj al-Qurra' fī dirāsatihā*. Riyad: Maktaba al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah.
- Said, I. (2008). *Iqrā' al-Quran al-Karim: manhajuhu wa syurūtuhi wa asālibuhu wa ādābuhu*. Jeddah, Arab Saudi: Markaz al-Dirāsāt wa al-Maklūmat al-Qurāniyyah.
- Said, K. & Adam, J. (2011). Corak tariq sanad pengajian al-Quran di Negeri Pahang. *International Journal on Quranic Research*. 1(1). <https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/5283/3078>.
- Sayyidi, M. (2004). *Al-Isnād 'inda 'Ulamā' al-Qirā'āt*. Madinah al-Munawwarah: Majalla al-Jāmi'a al-Islamiyya.
- Zaidar, F. (2014). *Faktor-faktor dorongan aplikasi Talaqqi Bersanad (TB) dan keperluannya dalam pengajian hadis di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Zainuddin, K., Zainuddin, N. & Mohd Isa, M. F. (2010). *Kamus Pelajar*. Negeri Sembilan: Al-Azhar Media Enterprise.
- al-Zarqanī. (2001). *Manāḥil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Hadīth.